

27/06/1998

MB dicabar dedah nama penerima balak

KOTA BHARU, Jumaat - Umno Kelantan mencabar Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat agar mengeluarkan senarai nama mereka yang mendapat balak dan pemberian tanah di negeri ini.

Selain itu, Umno juga mahu melihat senarai nama kepada anak pemimpin Pas yang mendapat kemudahan biasiswa Yayasan Kelantan Darulnaim (Yakin) dan dihantar belajar ke Timur Tengah serta perbelanjaan membabitkan wang Tabung Serambi Makkah.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Annuar Musa berkata, Pas seharusnya bersikap telus dalam soal ini dan berani mendedahkan nama ahli mereka yang mendapat kemudahan serta projek daripada kerajaan negeri.

Menurutnya, Pas tidak perlu bimbang jika benar mereka mengamalkan dasar pentadbiran secara Islam dan semua perkara itu berhak diketahui oleh seluruh rakyat.

Sehubungan itu, katanya, Umno Kelantan berharap Nik Abdul Aziz bersedia mengikut contoh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang sanggup menyenaraikan nama ahli Umno yang mendapat pelbagai kemudahan serta projek daripada kerajaan.

"Jadi saya ingin melihat bila kerajaan Pas Kelantan mahu mengeluarkan senarai nama mereka yang menerima tender balak dan tanah termasuk kawasan balak.

"Kita juga berharap Pas Kelantan mengeluarkan senarai ke mana perginya duit Tabung Serambi Makkah, daripada siapa ia dikutip dan untuk apa ia dibelanjakan kerana ia adalah duit rakyat.

"Kita juga ingin mengetahui kepada siapa biasiswa Yakin diberi. Kalau Umno boleh telus dalam soal ini, saya harap Pas juga boleh berbuat demikian," katanya ketika ditemui, di sini hari ini.

Pada mesyuarat agung perwakilan Umno minggu lalu, Umno mengeluarkan senarai nama mereka yang menerima pelbagai kemudahan daripada kerajaan termasuk saham khas dan lesen kenderaan membabitkan ahlinya.

Beberapa Menteri Besar daripada Umno menyuarakan kesediaan mereka untuk mendedahkan nama dan pemilik syarikat yang mendapat projek penswastaaan di negeri masing-masing, selaras langkah kerajaan berbuat demikian.

(END)